

18 JUN 2003

Umno-Wanita (Pendidikan/Agama)

WANITA JOHOR DESAK PERCEPATKAN SERAGAM UNDANG-UNDANG ISLAM

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Wakil Pergerakan Wanita Umno Johor hari ini menggesa kerajaan agar mempercepatkan proses penyeragaman undang-undang keluarga Islam bagi memastikan sebarang percanggahan antara setiap negeri dapat diatasi segera.

Ketua Wanita Umno Bahagian Gelang Patah, Zainab Othman berkata dengan cara itu kecekapan pelaksanaannya akan dapat dipertingkatkan.

"Kami Wanita Umno Johor menyokong penuh cadangan penyeragaman undang-undang keluarga Islam tetapi di sini kami ingin mendesak prosesnya disegerakan," katanya semasa membahaskan Usul Pendidikan dan Agama Islam di Perhimpunan Agung pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Usul itu dibawa oleh wakil Perak, Senator Faezah Abu Kassim dan disokong oleh wakil Terengganu, Zainab Abas.

Katanya selain itu kerajaan juga harus mengambil inisiatif untuk menambah dengan secukupnya kakitangan di institusi-institusi yang berkenaan bagi memastikan pelaksanaan undang-undang itu berjalan lancar.

Zainab juga menyarankan agar kerajaan menyediakan program latihan yang dapat membantu kakitangan institusi berkenaan menjalankan peranan mereka dengan lebih efisien.

Sementara itu, Faezah dalam pembentangan usulnya mencadangkan supaya Wanita Umno mempelopori usaha negara untuk membentuk Pertubuhan Hak Asasi Islam Sedunia bagi mengimbangi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menerusi pertubuhan itu, nasib masyarakat Islam di dunia ini yang sering ditindas akan dapat dibela, katanya.

Selain itu Faezah juga meminta Kementerian Dalam Negeri membuat siasatan rapi terhadap Harakah, akhbar rasmi PAS, yang menyiarkan karikatur menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya cadangkan supaya Harakah diharamkan terus kerana ia bukan lagi berperanan sebagai media untuk PAS sahaja, tetapi telah bertukar menjadi media untuk semua orang awam," katanya.

-- BERNAMA

NM KHY RON